

**KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN  
TARIKH: 11 JULAI 2014 (JUMAAT)**

<b>Bil</b>	<b>Tajuk</b>	<b>Akhbar</b>
1.	Satu cubit sudah cukup	Harian Metro
2.	MOSTI cadang guna produk Mousticide tangani denggi	BERNAMA
3.	Palm oil reserves down	The Star

# Satu cubit sudah cukup

■ MOSTI syor guna produk tempatan Mousticide RH tangani masalah denggi

Oleh Nur Ain Musdad  
am@hmetro.com.my

Melaka

**K**ementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) berhasrat menggunakan produk keluaran penyelidik tempatan Mousticide RH bagi membantu Kementerian Kesihatan menangani masalah denggi di negara ini.

Timbalan Menteri MOSTI Datuk Abu Bakar Md Diah berkata, produk keluaran syarikat peneraju bioteknologi, EntoGenex Industries Sdn Bhd (EntoGenex) itu di-

yakini mampu mengawal pembiakan nyamuk aedes daripada terus membiak.

Produk ini terhasil menerusi penyelidikan bersama pensyarah Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dan menerima pembiayaan RM7 juta daripada Rancangan Malaysia Ke-9 (RMK-9) menerusi Dana Tekno.

Mousticide RH ini sudah diuji 100 peratus dan ternyata tidak berbahaya kepada nyawa manusia, haiwan mahupun tumbuhan, malah sudah digunakan pakai di Filipina dan Brazil, katanya ketika ditemui pada Majlis Penyerahan Fokus A kepada murid tahun enam Sekolah Kebangsaan St Francis di Banda Hilir, di sini, semalam.

Produk bebas bahan kimia itu dibangunkan melalui kaedah bioteknologi yang selamat digunakan menerusi formula penghasilan protein dikenali Trypsin Modulating Oostatic Factor (TMOF)



**FAKTA**  
Mousticide RH dihasilkan dengan pembiayaan RM7 juta

ABU Bakar (tengah) bersama murid Sekolah Kebangsaan St Francis di Banda Hilir.

menggunakan hormon nyamuk untuk mengganggu sistem penghadaman jentik-jentik yang memakannya dan boleh menyebabkan kematian.

Abu Bakar berkata, beliau turut mencadangkan produk itu dibekalkan kepada semua pihak berkuasa tempatan

(PBT) di seluruh negara bagi membantu menangani wabak denggi daripada terus menular.

"Setakat ini ia masih lagi dalam perbincangan dan jika berjaya mungkin kita boleh minta kerjasama PBT untuk mengedarkannya ke kawasan perumahan.

"Produk ini diselaputi serbuk padi dan hanya perlu diletakkan secubit di kawasan punca air yang disyaki menjadi tempat pembiakan nyamuk. Ianya mampu menghapuskan larva dalam tempoh kurang dua jam dan mampu bertahan lima bulan," katanya.



## Mosti Cadang Guna Produk Mousticide Tangani Denggi

MELAKA, 10 Julai (Bernama) -- [Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi \(Mosti\)](#) bercadang menggunakan produk Mousticide dalam usaha membantu menghapuskan pembiakan nyamuk Aedes sekaligus menangani wabak denggi yang semakin menular di negara ini.

[Timbalan Menterinya Datuk Dr Abu Bakar Mohamad Diah](#) berkata produk keluaran syarikat tempatan, EntoGenex Industries Sdn Bhd (EntoGenex) yang dibangunkan melalui geran Techno Fund Mosti berjumlah RM7 juta itu telah diuji keberkesannya dan digunakan di Brazil dan Filipina.

"Mosti bercadang membeli produk ini tetapi perkara ini masih dalam perbincangan di peringkat kementerian," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Majlis Penyerahan 95 lesen Portal "E-Learning Focus A" Bagi Murid Tahun 6 Sekolah Kebangsaan St Francis di sini, Khamis

Portal yang dibangunkan syarikat Creative Dreams International itu menyediakan lebih 350,000 soalan peperiksaan selaras dengan sukatan pelajaran Kementerian Pendidikan sebagai persediaan pelajar menduduki Ujian Penilaian Sekolah Rendah.

Abu Bakar juga berkata Mousticide merupakan produk bebas kimia yang dibangunkan melalui kaedah bioteknologi serta selamat digunakan.

Beliau berkata produk yang dihasilkan melalui penyelidikan bersama penarah Universiti Kebangsaan Malaysia itu mampu membunuh larva atau jentik-jentik sehingga 100 peratus tanpa memberi kesan kepada nyawa manusia, haiwan atau tumbuh-tumbuhan.

Katanya Mosti bercadang mengedarkan produk berkenaan kepada pihak berkuasa tempatan di seluruh negara bagi menghapuskan nyamuk Aedes.

Semalam, syarikat EntoGenex melancarkan dua produk Mousticide iaitu Mousticide RH dan WP sebagai pilihan kepada pengguna untuk menghapus nyamuk Aedes.

Dalam perkembangan lain, beliau berkata suhu permukaan laut di Malaysia meningkat 0.5 darjah celsius atau lebih dalam tempoh tiga bulan sejak Mei lepas.

Abu Bakar bagaimanapun berkata Malaysia masih belum mengalami El Nino kerana fenomena tersebut hanya terjadi apabila pemanasan suhu permukaan laut berlaku dalam tempoh enam bulan berturut-turut.

# Palm oil reserves down

## June output slumps, exports strong as demand returns

**KUALA LUMPUR:** Palm oil stockpiles in Malaysia, the biggest producer after Indonesia, declined last month to the lowest level since June 2013 as production unexpectedly fell and shipments climbed to the highest level this year.

Reserves dropped 10% to 1.66 million tonnes from 1.84 million tonnes in May, the Malaysian Palm Oil Board said. Estimates showed inventories rising to 1.86 million tonnes, according to a *Bloomberg* survey.

Output fell 5.3% to 1.57 million tonnes and exports rose 5.3% to 1.48 million tonnes, board data showed. That compares with the survey's output estimate at 1.66 million tonnes and exports at 1.45 million tonnes.

Futures are approaching a bear market here after touching an 18-month high in March, on forecasts for record US production of soybeans, which can be crushed to make an alternative oil.

Palm might rally less than earlier forecast as biodiesel demand missed estimates and an El Nino started later than expected, Dorab Mistry, director at Godrej International Ltd, said before yesterday's board data.

"The drop in inventory by 10% is totally unexpected," Alan Lim, an analyst at Kenanga Investment Bank, said by phone. "This was mainly because of the decline in production, as well as the higher-than-expected increase in exports. Demand seems to have returned in a significant way due to low prices."

Futures lost 1% to RM2,349 a tonne, the lowest price since Oct 8, at the midday trading break on Bursa Malaysia Derivatives before the board data was released.

A moderate-strength El Nino, which could bring drought to the Asia-Pacific region, had an 80% chance of developing in the northern hemisphere fall or winter, exceeding odds of 70% for the event to occur in the summer, the Malaysian Meteorological Department said



A decline in palm oil production and higher-than-expected increase in exports caused reserves to fall 10% in June.

yesterday.

A lack of moisture can hurt production over a lagged period of time as palms need about 150mm to 200 mm of monthly rain.

The drop in June output was probably caused by dry weather last year, Alvin Tai and Hoe Lee Leng, analysts at RHB Investment Bank Bhd, wrote in a report on Wednesday.

Output might decline this month as plantation staff worked fewer hours during Ramadan,

said Hiro Chai, associate director at CIMB Futures Sdn Bhd.

Still, production might climb about 5% in July due to a seasonal increase, said Kenanga's Lim. Output is typically highest from July to October each year.

Inventories might retreat in July to about 1.61 million tonnes as exports would increase on demand from China and Europe during the summer, said Lim. - Bloomberg